

SOALAN NO.: 498

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : YB PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO**  
**[BATU KAWAN]**  
**TARIKH :**  
**SOALAN : 505**

**Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan dengan terperinci bilangan doktor dan doktor pakar di hospital Kerajaan dan hospital swasta mengikut pecahan negeri, etnik dan warganegara dari tahun 2000 hingga 2017.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, jumlah Pegawai Perubatan yang aktif mengamal dan dikeluarkan Sijil Perakuan Amalan Tahunan pada tahun 2016 adalah seramai 41,105 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 27,420 orang mengamal di sektor awam dan 13,685 mengamal di sektor swasta.

Secara keseluruhannya, perincian mengikut etnik bagi Pegawai Perubatan terdiri daripada seramai 20,329 bagi etnik Melayu, Cina

seramai 10,642, etnik India seramai 7,372 dan lain-lain etnik adalah seramai 2,732 orang.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman ahli Yang Berhormat juga, seramai 9,898 orang Pakar Perubatan sedang berkhidmat di sektor awam sama ada di Kementerian Kesihatan atau agensi Kerajaan lain serta swasta seperti pecahan berikut:

Bil.	Tempat bertugas	Bilangan Pakar Perubatan
1.	Kementerian Kesihatan Malaysia	5,028
2.	Angkatan Tentera Malaysia	72
3.	Universiti Awam	1,350
4.	Institut Pengajian Tinggi Swasta	131
5.	Agensi-agensi lain	8
6.	Sektor Swasta	3,309
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>9,898</b>

**Tuan yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 Jun 2017 terdapat seramai 4,815 Pakar Perubatan, 19,618 Pegawai Perubatan Bukan Pakar dan 9,502 Pegawai Perubatan Siswazah sedang berkhidmat di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).